

**UCAPAN**

**YBHG. DATUK WAN SELAMAH  
BINTI WAN SULAIMAN  
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**SEMPENA PERHIMPUNAN BULAN JANUARI 2014  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
PADA 16 JANUARI 2014**

Bismillahirrahmanirrahim.

Terima kasih saudara pengacara majlis dan saudara Ismail Fahmi pembaca doa. Semoga doa kita pada pagi ini dimakbulkan oleh Allah s.w.t. Terima kasih juga kepada kumpulan koir di atas dendangan lagu Negaraku, lagu Jabatan dan lagu Sejahtera Malaysia yang penuh bersemangat sebentar tadi.

YBhg. Dato' Hawazain binti Shaari, TAN(O), Pengarah-Pengarah Bahagian, Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan, dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan seluruh warga Jabatan Akauntan Negara yang saya hormati dan kasihi sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan selamat pagi.

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan rahmat dan izinNya, maka kita dapat berkumpul pada pagi ini dalam perhimpunan bulanan pertama bagi tahun 2014. Saya kira masih belum terlambat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2014 kepada semua warga Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

Sempena dengan kedatangan tahun baharu ini, marilah kita bersama-sama mengatur gerak langkah yang lebih cemerlang bagi merealisasikan misi dan visi Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan membawa Jabatan ke tahap yang lebih tinggi.

## **HARAPAN UNTUK TAHUN 2014 DAN TAHUN-TAHUN AKAN DATANG**

1. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua yang telah melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi di Jabatan Akauntan Negara Malaysia di sepanjang tahun 2013. Saya merasa bangga mempunyai warga kerja yang telah banyak menyumbang kepada pembangunan jabatan dan perkhidmatan pada keseluruhannya. Sama-samalah kita berdoa kepada Allah SWT semoga usaha dan komitmen kita selama ini dalam menjalankan tugas yang diamanahkan, mendapat keredhaan dariNya. Aamiin..

2. Dengan bermulanya tahun 2014, bermakna kita hanya ada **satu (1)** tahun atau **12 bulan** sahaja sebelum kita melaksanakan perakaunan akruan sepenuhnya pada tahun 2015. Enam (6) bulan terakhir telah diperuntukkan untuk latihan sistem 1 GFMS kepada pengguna, melalui pendekatan *Train the Trainer* di mana *Trainer* inilah yang bertanggungjawab untuk melatih semua pegawai kewangan di Kementerian / Jabatan / Agensi. Ini adalah masa paling kritikal bagi seluruh warga JANM dan anggota perkhidmatan perakaunan keseluruhannya.

Sehubungan dengan itu, lagi sekali saya mengajak seluruh warga Jabatan Akauntan Negara Malaysia untuk bersama-sama memikul cabaran transformasi ini kerana anda semua adalah barisan pelapis dan pewaris yang akan menyambung legasi JANM pada masa hadapan. Sekiranya perancangan dan persediaan kita lemah, maka generasi JANM akan datang terpaksa menanggung kesannya.

3. Pada tahun 2014 ini juga, kita akan dinilai untuk Penarafan Bintang oleh MAMPU. Marilah kita berazam untuk memberi komitmen yang tidak berbelah bahagi untuk menjadikan Tahun Baharu 2014 lebih cemerlang daripada tahun-tahun sebelumnya, dengan menambahbaik kualiti kerja serta taraf kehidupan kita secara amnya. Dengan pelaksanaan Perakaunan Akruan nanti, peranan dan tanggungjawab warga perkhidmatan perakaunan akan lebih mencabar. Untuk itu, dalam menangani cabaran kerja, jangan sekali-kali kita berputus asa. Berusahalah untuk melakukan yang terbaik serta jangan lupa untuk sentiasa berdoa memohon pertolongan dari Allah s.w.t.
4. Pada tahun ini dan tahun-tahun akan datang, saya menyeru agar kita semua akan lebih mengambil pendekatan yang lebih berhemah dalam menjalankan kerja-kerja seharian. YAB Perdana Menteri, merangkap Menteri Kewangan telah mengumumkan 11 langkah penjimatan pada 30 Disember 2013 yang lalu, dalam usaha bagi mengurangkan perbelanjaan sektor awam, yang akan dilaksanakan pada tahun 2014. Saya harap tuan-tuan dan puan-puan dapat mematuhi langkah-langkah penjimatan ini, seperti yang telah digariskan di dalam **Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2014**.

5. Untuk kesekian kalinya, saya ingin mengingatkan semua warga JANM tentang penghayatan dan pembudayaan **Nilai Bersama** Jabatan. Seperti semua maklum, salah satu nilai yang terdapat di dalam **SPECIAL** adalah **Profesionalisme**.

Profesionalisme di sini selain dari bermaksud untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui pembelajaran berterusan, meningkatkan prestasi kerja untuk

mencapai kualiti yang berterusan, mempamerkan nilai dan tingkahlaku yang berkualiti dan kompeten, **turut termasuk** keperluan untuk berpenampilan kemas dan sesuai mengikut keadaan dan suasana. Untuk itu, saya suka mengingatkan warga JANM untuk mematuhi kod etika berpakaian ke pejabat. Saya akan minta BPPP untuk mengeluarkan arahan pentadbiran berkaitan perkara ini.

## **PENUTUP**

Sebagai penutup, saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat beristirehat pada cuti panjang sempena cuti Thaipusam pada 17 Januari (esok). Semoga kita semua akan kembali bertugas pada minggu hadapan dengan semangat baharu untuk berkhidmat dengan penuh cemerlang demi Jabatan dan Negara.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru Cina (tahun kuda) kepada warga JANM berbangsa Cina. Luangkanlah masa berkualiti semasa cuti panjang yang bersambung dengan sambutan hari Wilayah pada 1 Februari nanti dengan keluarga tersayang kerana mereka adalah pendorong dan pemberi semangat untuk kita terus berkhidmat dengan penuh cemerlang dan berdedikasi.

Akhir kata, semoga tahun baharu 2014 ini turut memberi semangat yang baharu kepada kita semua untuk terus mempertingkatkan prestasi kerja demi kecemerlangan diri dan Jabatan.

Sekian, wabillahitaufik, walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

